

**Kestabilan Politik Pacu Pembangunan Sabah : Musa Aman  
Bernama  
13 Februari , 2012**

SANDAKAN, 13 Feb (Bernama) -- Kestabilan politik serta kerjasama antara pemimpin dan rakyat di Sabah membolehkan agenda pembangunan yang dirancang oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata ia selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri maju.

"Rakyat perlu bersyukur kerana dapat menikmati keselesaan dan kesejahteraan hidup melalui pembangunan secara berterusan yang disalurkan oleh kerajaan Barisan Nasional," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2,000 bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Sibuga dan Gum-Gum di sini pada Isnin.

Musa meminta rakyat di Sabah supaya tidak terpedaya dengan angan-angan pihak pembangkang yang ingin menerajui kepimpinan negara.

"Pembangkang tidak mampu membantu rakyat melalui janji kosong," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645360>